



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)

Barangan ciplak RM4,000 disita

Butterworth: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menyita pelbagai barangan dipercayai menggunakan cap dagang palsu bernilai RM4,000 dalam dua serbuan di Jalan Sungai Ujong, Georgetown dan Taman Desa Murni di sini, kelmarin.

Serbuan jam 11.30 pagi itu selepas menerima aduan daripada wakil pemilik cap dagangan barangan berkenaan.

Pengarah KPDNHEP ne-

geri, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, pemeriksaan di kedua-dua premis menemui sejumlah unit pemetik api, pisau cukur dan berus gigi menggunakan cap dagangan berdaftar disyaki palsu.

"Pegawai KPDNHEP Negeri kemudian menyita 2,765 pemetik api, 500 berus gigi dan 552 pisau cukur bagi tujuan siasatan lanjut.

"Jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM4,087.50," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.



ANGGOTA KPDNHEP Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan di dua premis dipercayai menjual barangan menggunakan cap dagang palsu di sekitar Butterworth, kelmarin.

Penyeludup lari tinggalkan kereta sarat barangan subsidi

TUMPAT - Seorang penyeludup lari meninggalkan sebuah kereta jenis Proton Iswara yang sarat mengandungi barang subsidi seberat 542 kilogram (kg) ketika diserbu anggota penguat kuasa di Kampung Bendang Pak Yong di sini pada Isnin.

Kereta tersebut ditahan pada jam 3 petang hasil Operasi Bersepadu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor Tumpat.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Afendi Juri berkata, antara barangan kawalan yang dirampas ialah minyak masak peket, tepung gandum dan gula.

"Nilai rampasan barangan kawalan yang disita termasuk kereta dianggarkan berjumlah RM4,932," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada

Rabu.

Menurutnya, bertindak atas maklumat, anggota bertugas telah mengesan pergerakan sebuah kereta dari arah Pengkalan Kubor menuju ke Kampung Bendang Pak Yong.

Beliau berkata, anggota bertugas kemudian berjaya menahan kereta berkenaan di jalan Kampung Bendang Pak Yong untuk tujuan pemeriksaan.

Azanizam berkata, menyedari kehadiran anggota KPDNHEP Kelantan dan PPM, pemandu kereta itu telah bertindak melarikan diri.


"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas kereta itu telah menjumpai tepung gandum 70kg, minyak masak (136kg) dan gula (336kg).

"Kes disiasat bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDNHEP Kelantan tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu atau kumpulan yang terlibat dengan aktiviti penyeludupan," kata beliau.



Anggota penguat kuasa memeriksa Proton Iswara yang sarat mengandungi barang subsidi seberat 542kg dalam serbuan di Kampung Bendang Pak Yong, Tumpat pada Isnin.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM7.99	• Telur Gred A RM12.60	• Gula Pasir RM2.80	• Cili Merah RM11.99
	• Daging Lembu Tempatan RM47.90	• Ikan Kembung RM16	• Bawang Besar Holland RM2.39	• Kubis Bulat Tempatan RM3.99
	• Daging Lembu Import RM35	• Minyak Masak RM6.50	• Bawang Putih RM5.50	• Tepung Gandum RM2.25
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>				



HARI : KHAMIS
TARIKH : 24/2/2022
M/SURAT : 1

New fuel prices
Feb 24 - March 2

RON95	RON97	Diesel
RM2.05 (unchanged)	RM3.29 (+2 sen)	RM2.15 (unchanged)